

## CASTOR INTERNATIONAL

# “The International Group Share Ownership Plan” bagi kumpulan VINCI Penawaran tahun 2015

### DOKUMEN TAMBAHAN UNTUK NEGARA MALAYSIA

Anda telah dipelawa untuk melabur dalam saham CASTOR INTERNATIONAL, “the International Group Share Ownership Plan” bagi kumpulan VINCI. Dokumen ini mengandungi terma-terma dan syarat-syarat khusus untuk negara anda, dan memperlengkapkan dokumen Rancangan (peraturan-peraturan “the International Group Share Ownership Plan” bagi kumpulan VINCI dan peraturan-peraturan FCPE), Brosur Maklumat dan pesanan langganan. Dokumen ini juga mengandungi ringkasan tentang akibat cukai yang dijangka berbangkit dari pelaburan anda. Sila ambil perhatian bahawa baik VINCI mahupun majikan anda tidak akan memberikan kepada anda sebarang nasihat peribadi, kewangan atau cukai yang berkaitan dengan tawaran ini.

Sila baca maklumat di bawah dengan teliti sebelum membuat keputusan tentang pelaburan anda:

#### Kawalan Pertukaran Mata Wang

Pembayaran oleh pemastautin (seperti anda atau majikan di negara anda) kepada bukan pemastautin (seperti VINCI S.A.) bagi pemerolehan aset mata wang asing (seperti saham di bawah Rancangan), hendaklah dibuat dalam mata wang asing.

Anda atau majikan di negara anda (mengikut keadaan) akan dikehendaki menukar harga pembelian saham yang dibayar dalam Ringgit Malaysia (“RM”) kepada mata wang asing yang berkenaan (iaitu Euro) sebelum menghantarnya kepada VINCI S.A.

#### Peristiwa-peristiwa penebusan awal

Pelaburan anda dalam penawaran ini mesti dipegang (atau “disekat”) bagi tempoh 3 tahun kecuali dalam peristiwa-peristiwa tertentu di mana anda dibenarkan meminta penebusan awal Unit FCPE di bawah Rancangan, seperti berikut:

- (i) keilatan anda;
- (ii) kematian anda;
- (iii) penamatan kontrak pekerjaan anda.

Peristiwa pengeluaran awal di atas ditakrifkan oleh “the International Group Share Ownership Plan” bagi kumpulan VINCI dengan merujuk kepada undang-undang Perancis dan mestilah ditafsirkan dan diterapkan dalam cara yang selaras dengan undang-undang Perancis. Anda tidak harus membuat kesimpulan bahawa peristiwa pengeluaran awal adalah tersedia melainkan jika anda telah menerangkan situasi anda kepada majikan anda dan majikan anda telah mengesahkan bahawa peristiwa tersebut terpakai kepada situasi anda, apabila anda memberikan dokumen sokongan yang diperlukan.

Bagi penebusan awal Unit FCPE anda, anda tidak lagi berhak menerima Saham Bonus anda. Sila ambil maklum bahawa dalam peristiwa tertentu yang dibentangkan dalam “the International Group Share Ownership Plan” dan diringkaskan dalam Brosur Maklumat, dan tanpa mengira jika permintaan penebusan awal dibuat, anda mungkin layak untuk menerima pembayaran pampasan tunai dan bukannya penyerahan Saham Bonus.

#### Maklumat tentang cukai

Ringkasan di bawah membentangkan prinsip am yang dijangka akan digunakan untuk pekerja-pekerja yang bermastautin di Malaysia bagi tujuan undang-undang cukai Malaysia dan tentang triti cukai yang disempurnakan antara Perancis dan Malaysia untuk mengelakkan percukaian berganda bertarikh 24 April 1975 (“Triti”). Akibat cukai yang disenaraikan di bawah diterangkan selaras dengan Triti yang berkuat kuasa pada masa ini, undang-undang cukai Malaysia dan undang-undang cukai dan amalan Perancis yang tertentu. Prinsip dan undang-undang ini mungkin akan berubah dari masa ke masa. Anda juga harus mempertimbangkan situasi peribadi anda.

Untuk nasihat yang tepat, anda harus berunding dengan penasihat cukai anda sendiri tentang akibat cukai jika melanggan saham VINCI. Ringkasan ini hanya diberi bagi tujuan maklumat dan tidak harus dianggap sebagai lengkap atau konklusif.

### I. Cukai yang dikenakan berhubung dengan langganan saham melalui FCPE:

Saham yang dilanggan dengan sumbangan peribadi anda akan dipegang dalam *Fonds commun de placement d'entreprise* CASTOR INTERNATIONAL, satu dana pemegang saham bagi pekerja kolektif bawah undang-undang Perancis (“FCPE”). Pelaburan anda dibuktikan oleh unit-unit dalam FCPE yang dipegang oleh anda. Langganan saham akan dibuat melalui FCPE CASTOR INTERNATIONAL RELAIS 2015 yang kemudiannya akan dicantumkan ke dalam FCPE.

## **A. Pencukaaian di Perancis**

Anda tidak seharusnya dikenakan cukai atau caj sosial di Perancis pada masa langganan dan penebusan unit FCPE anda. Dengan syarat pelaburan anda dipegang melalui FCPE, anda tidak seharusnya dikenakan cukai atau caj sosial di Perancis terhadap sebarang dividen yang dibayar oleh VINCI dan dilabur semula oleh FCPE.

## **B. Pencukaaian di Malaysia**

### ***Cukai dan/atau caj keselamatan sosial yang mungkin dikenakan pada masa langganan***

Diskaun terhadap nilai pasaran wajar saham (iaitu perbezaan antara harga langganan dan nilai pasaran wajar saham), jika ada, akan dianggap sebagai manfaat boleh cukai dan tertakluk kepada cukai pendapatan. "Nilai pasaran wajar" saham adalah angka yang lebih rendah antara nilai pasaran pada tarikh pembelian saham dan nilai pasaran saham pada permulaan tempoh langganan.

Dengan andaian bahawa langganan saham di Malaysia hanya dilaksanakan pada hari terakhir tempoh langganan (tidak kiralah bila pesanan langganan diserahkan) dan pembayaran untuk saham dibuat pada hari yang sama, tarikh pembelian saham adalah hari terakhir dalam tempoh langganan.

Kadar cukai yang dikenakan terhadap pemastautin cukai Malaysia ditaksirkan atas skala berperingkat dari 0% sehingga maksimum 26% berdasarkan pendapatan tercukai anda bagi tahun taksiran. Individu bukan pemastautin membayar cukai pada kadar tetap iaitu 26%, atas pendapatan yang berpunca dari Malaysia. Walau bagaimanapun, sila ambil maklum bahawa di bawah Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2014, adalah dicadangkan dari tahun taksiran 2015, kadar cukai maksimum yang dikenakan terhadap pemastautin cukai akan dikurangkan daripada 26% kepada 25%, dan individu bukan pemastautin dikenakan cukai pada kadar lebih rendah iaitu 25%.

Selanjutnya, tidak ada implikasi cukai keselamatan sosial yang berbangkit daripada diskaun langganan saham (jika ada) yang diterima oleh anda.

Di bawah Sistem Taksir Sendiri, semua pembayar cukai diamanahkan dengan tanggungjawab untuk mentaksir dan membayar cukai yang kena dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ("LHDN"). Anda mesti memastikan bahawa sebarang manfaat tercukai yang anda terima di bawah penawaran dilaporkan dengan tepat dalam Borang Cukai Pendapatan yang akan diserahkan setiap tahun kepada LHDN.

### ***Cukai dan/atau caj keselamatan sosial yang mungkin dikenakan terhadap dividen yang diterima oleh FCPE***

Tiada. Di Malaysia, dividen adalah dikecualikan daripada cukai jika diperolehi dari luar Malaysia.

### ***Cukai dan/atau caj keselamatan sosial yang mungkin dikenakan pada masa penebusan unit FCPE anda***

Tiada konsep laba modal di Malaysia, kecuali berhubung dengan laba berkaitan dengan penjualan harta tanah tertentu dan saham dalam syarikat harta tanah. Oleh itu, anda tidak akan dikenakan cukai pendapatan atau caj keselamatan sosial di Malaysia apabila anda menebus unit FCPE anda (kecuali anda menceburi perniagaan membeli dan menjual sekuriti).

Tidak ada juga sebarang akibat cukai keselamatan sosial berkaitan dengan keuntungan atau kerugian yang timbul dari penjualan saham VINCI.

## **II. Cukai yang dikenakan berhubung dengan Saham Bonus yang diberikan oleh VINCI:**

Di samping langganan anda, anda juga akan diberikan hak untuk menerima saham VINCI secara percuma ("Saham Bonus"), dengan syarat anda memenuhi syarat-syarat tertentu yang dibentangkan dalam "the International Group Share Ownership Plan" dan diringkaskan dalam Brosur Maklumat. Tertakluk kepada semua syarat dipenuhi, saham ini akan diserahkan ke dalam FCPE pada akhir tempoh letak hak pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, anda boleh memilih untuk memegang Saham Bonus tersebut dalam akaun saham dalam nama anda. Dalam keadaan tertentu, anda mungkin layak menerima pembayaran pampasan tunai oleh majikan anda dan bukannya penyerahan Saham Bonus, seperti yang dibentangkan dalam "the International Group Share Ownership Plan" dan diringkaskan dalam Brosur Maklumat.

## **A. Pencukaaian di Perancis**

Anda tidak akan dikenakan cukai atau caj sosial di Perancis berhubung dengan pemberian, penyerahan atau penjualan saham VINCI yang diberikan secara percuma. Pencukaaian dividen yang diterima berhubung dengan saham VINCI selepas penyerahan akan bergantung kepada keputusan anda sama ada untuk menyimpan Saham Bonus dalam FCPE atau memegangnya secara langsung (lihat di bawah).

## **B. Pencukaaian di Malaysia**

### ***Cukai dan/atau caj keselamatan sosial yang mungkin dikenakan sewaktu VINCI memberikan hak untuk menerima Saham Bonus***

Tiada sebarang implikasi cukai yang timbul pada tarikh pemberian hak untuk memperoleh Saham Bonus kerana peristiwa boleh cukai belum lagi dicituskan. Selanjutnya, tidak ada sebarang implikasi keselamatan sosial atau sumbangan yang perlu dibayar terhadap Saham Bonus yang diterima oleh anda.

---

### **Cukai dan/atau caj keselamatan sosial yang mungkin dikenakan apabila saham diserahkan**

Saham Bonus akan dikenakan cukai apabila saham tersebut diletak hak, iaitu apabila saham menjadi saham tanpa syarat dan oleh itu boleh diterima dan Saham Bonus diberikan kepada anda. Keuntungan sedemikian adalah tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia pada kadar dari 0% hingga 26% bagi pemastautin cukai, dan dicukaikan pada kadar tetap iaitu 26% bagi individu bukan pemastautin.

Tiada implikasi keselamatan sosial atau sumbangan yang perlu dibayar terhadap Saham Bonus yang diterima oleh anda.

### **Cukai dan/atau caj keselamatan sosial yang mungkin dikenakan terhadap dividen yang mungkin diagihkan kepada anda selepas penyerahan Saham Bonus**

Jika anda membuat keputusan untuk menyimpan Saham Bonus anda dalam FCPE, dividen akan dilabur balik dalam FCPE. Pelaburan semula secara automatik bagi dividen yang dibayar terhadap saham VINCI tidak akan menimbulkan sebarang isu tambahan. Pendapatan dividen dari luar negara yang diterima di Malaysia pada masa ini adalah dikecualikan daripada cukai di Malaysia.

Jika anda membuat keputusan untuk memegang Saham Bonus anda secara langsung, dividen jika ada yang dibayar, akan tertakluk kepada cukai pegangan di Perancis (pada kadar 30% atau kadar Triti yang dikurangkan jika anda mematuhi formaliti pemfailan tertentu). Anda harus meminta nasihat lanjut tentang pencukaian dividen kelak jika anda ingin memilih pemegangan Saham Bonus secara langsung.

### **Cukai dan/atau caj keselamatan sosial yang mungkin dikenakan apabila unit FCPE ditebus**

Tiada konsep laba modal di Malaysia, kecuali berhubung dengan laba berkaitan dengan penjualan harta tanah tertentu dan saham dalam syarikat harta tanah. Oleh itu, anda tidak akan dikenakan cukai pendapatan atau caj keselamatan sosial di Malaysia apabila anda menebus unit FCPE anda (kecuali anda menceburi perniagaan membeli dan menjual sekuriti).

### **Cukai dan/atau caj keselamatan sosial yang mungkin dikenakan terhadap pampasan tunai yang dibayar, jika ada, oleh majikan anda dan bukannya penyerahan Saham Bonus**

Implikasi cukai terhadap pampasan tunai menggantikan Saham Bonus adalah sama dengan implikasi cukai berhubung dengan peletakan hak Saham Bonus.

Memandangkan penawaran diberikan dalam bentuk Saham Bonus, tiada caruman KWSP perlu dibuat berkenaan dengan pampasan tunai menggantikan Saham Bonus yang diterima anda.

## **III. Obligasi pelaporan anda berhubung dengan saham yang dipegang dalam FCPE dan Saham Bonus**

Di bawah Sistem Taksir Sendiri, semua pembayar cukai diamanahkan dengan tanggungjawab untuk mentaksir dan membayar cukai yang kena dibayar kepada LHDN. Anda mesti memastikan bahawa sebarang manfaat tercukai yang anda terima di bawah penawaran dilaporkan dengan tepat dalam Borang Cukai Pendapatan yang akan diserahkan setiap tahun kepada LHDN.

### **Notis Privasi**

*Anda wajib memberikan semua maklumat yang diminta di dalam pesanan langganan atau sebarang maklumat tambahan yang diminta oleh kami. Maklumat yang diberikan oleh anda kepada VINCI S.A. dan/atau majikan di negara anda di dalam pesanan langganan tersebut akan dikumpul, digunakan dan diproses oleh VINCI S.A., majikan di negara anda dan mana-mana pihak yang bukan ahli kumpulan VINCI, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang telah diberi kuasa dengan nyata untuk menerima dan menyimpan maklumat berkenaan, bagi tujuan pengurusan Rancangan dan FCPE, untuk mentadbir akaun dan untuk menyimpan maklumat secara elektronik dan untuk sebarang tujuan berkaitan lain seperti yang diberi kuasa oleh VINCI S.A. dari semasa ke semasa.*

*Sekiranya anda memilih untuk tidak memberikan data peribadi yang diminta, ini mungkin akan menjejaskan keupayaan anda untuk menikmati dan/atau menyertai sepenuhnya manfaat berkaitan dengan Rancangan tersebut.*

*Anda berhak untuk meminta akses dan/atau membetulkan data peribadi anda dengan memberi makluman bertulis kepada:*

- Jacques VALENZA / [jvalenza@entreposeasia.com](mailto:jvalenza@entreposeasia.com) untuk ENTREPOSE ASIA;
- Wei Neng / [weineng@menard-asia.com](mailto:weineng@menard-asia.com) untuk MENARD GEOSYSTEMS;
- Tan Gee Hoi / [geehoi@reinforcedearth.com.my](mailto:geehoi@reinforcedearth.com.my) untuk REINF. EARTH M.S.;
- Ally, LIEW peack kwan / [peack.kwan.liew@soletanche-bachy.com](mailto:peack.kwan.liew@soletanche-bachy.com) untuk BSG CONSTRUCTION SDN BHD;
- Sue Yong SIEW LING / [sue.yongsiewling@vinci-construction-my.com](mailto:sue.yongsiewling@vinci-construction-my.com) untuk VINCI CONSTRUCTION GP SDN BHD.